



SIARAN MEDIA

BINA DARULAMAN BERHAD CEBURI BIDANG EKONOMI PERAK DENGAN PENAWARAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN WARGA EMAS DI LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 8 OGOS 2024 – Bina Darulaman Berhad (BDB) mengumumkan langkah strategik ke arah bidang ekonomi perak melalui usaha baharu yang tertumpu kepada penyediaan spektrum luas perkhidmatan penjagaan warga emas. Dalam kolaborasi dengan Kumpulan Seterra, usaha bersama ini adalah untuk membantu menangani keperluan bagi penjagaan warga emas yang semakin meningkat di Malaysia.

Malaysia seperti kebanyakan negara lain, sedang mengalami peralihan demografi yang ketara ke arah populasi yang semakin menua. Dengan jangka hayat yang lebih panjang dan kadar kelahiran yang menurun, unjuran menunjukkan bahawa jumlah rakyat Malaysia berusia 65 tahun ke atas dijangka meningkat dari sekitar 8% pada masa ini menjadi 14% menjelang tahun 2043.

Kajian terbaharu oleh Bank Dunia pula menyatakan bahawa peralihan dari masyarakat yang menua kepada ‘super-aged society’ akan mengambil masa sekitar 36 tahun, memberikan Malaysia status sebagai ‘negara sangat menua’ menjelang tahun 2056 dengan 20% daripada populasi melebihi umur 65 tahun.

Ketika Malaysia menghampiri peralihan demografi ini, permintaan terhadap ekonomi penjagaan akan meningkat. “Kami menyedari keperluan mendesak untuk perkhidmatan kesihatan yang dipertingkatkan, fasiliti bantuan penjagaan, dan infrastruktur mesra warga emas. Walaupun cabaran ini besar, ia akan menawarkan peluang signifikan untuk inovasi dan peningkatan dalam perkhidmatan penjagaan kelompok tersebut. BDB merancang untuk memainkan peranan aktif dalam meneroka inovasi dan menyumbang kepada pertumbuhan dalam sektor ini,” kata Pengarah Eksekutif Bina Darulaman Berhad, Raja Shahreen Raja Othman dalam ucapan plenonya di Dialog Seterra (SEDIA) 2024.

Ekonomi penjagaan di Malaysia menghadapi cabaran disebabkan oleh infrastruktur dan sumber yang terhad. Isu seperti akses terhad kepada penjagaan kesihatan berkualiti, ketidakstabilan kewangan, dan pengasingan sosial perlu ditangani secara menyeluruh bagi meningkatkan perkhidmatan penjagaan warga emas.

Dalam ucapannya, Raja Shahreen berkata bahawa BDB komited untuk merevolusikan ekonomi penjagaan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, pemberdayaan modal insan, dan inovasi teknologi.

“Kami bekerjasama dengan pihak berkepentingan, termasuk badan kerajaan, syarikat sektor swasta, NGO, dan pelabur antarabangsa, untuk memacu transformasi ini,” tambahnya.

BDB dan Kumpulan Seterra merancang untuk menubuhkan sebuah penempatan penjagaan jangka panjang berstruktur yang dikenali sebagai **Aman Seterra Sanctuary** di Langkawi. Projek ini mencerminkan visi BDB untuk mewujudkan penempatan persaraan dan kehidupan warga emas bertaraf dunia yang bakal meletakkan satu piawaian baharu untuk penjagaan warga emas. Pembangunan Aman Seterra Sanctuary juga bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang holistik dan inklusif untuk warga emas, dengan penawaran jenis perkhidmatan merangkumi kehidupan berdikari hingga bantuan penjagaan serta penjagaan khusus.

Aman Seterra Sanctuary menjanjikan sebuah kediaman luas yang tenang dengan penjagaan bertaraf tinggi, direka untuk memastikan kebolehcapaian dan keselesaan yang tiada tandingan. Ia juga menawarkan Perkhidmatan Penjaga 24 jam sehari, lengkap dengan penyediaan hidangan penuh berkhasiat yang memenuhi setiap keperluan penghuni.

Dari penjagaan Perubatan Geriatrik khusus hingga sokongan menyeluruh untuk demensia dan rawatan paliatif, Aman Seterra Sanctuary turut mengutamakan kesejahteraan holistik. Dengan penggunaan teknologi kesihatan canggih dan sistem rumah pintar, ia juga menyediakan perkhidmatan penjagaan peribadi yang bakal meningkatkan kualiti hidup penghuni. Selain itu, Aman Seterra Sanctuary juga menawarkan jaminan bagi ketenangan fikiran, nilai hidup dan persekitaran kediaman yang menyokong di mana setiap penghuni akan rasa dihargai.

Usaha ini juga akan menghasilkan manfaat ekonomi yang signifikan, termasuk penciptaan pekerjaan dalam sektor penjagaan, merangsang ekonomi tempatan, dan menarik pelaburan asing. Dari segi sosial pula, projek ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan warga emas, mengurangkan beban kepada keluarga dan penjaga, serta mempromosikan penyertaan sosial serta penglibatan komuniti.

“Pelaburan strategik adalah penting untuk mengubah ekonomi penjagaan Malaysia. Projek Langkawi BDB adalah satu langkah penting ke arah mencapai matlamat ini dan berfungsi sebagai model untuk inisiatif masa hadapan. Kita boleh cipta ekonomi penjagaan yang memenuhi keperluan populasi menua kita dan menetapkan piawaian baharu untuk penjagaan warga emas,” tambah beliau lagi.

Mereka yang ingin mendaftar minat tentang Aman Seterra Sanctuary boleh melayari pautan amanseterra.bdb.com.my

LATAR BELAKANG BINA DARULAMAN BERHAD

Bina Darulaman Berhad (BDB) telah ditubuhkan pada 7 Februari 1995 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia. BDB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang bertanggungjawab untuk pembangunan hartanah, pembinaan, kerja-kerja jalan, kuari, rekreasi dan tenaga boleh diperbaharui melalui anak-anak syarikatnya yang lebih dikenali sebagai BDB Land Sdn Bhd, Kedah Holdings Sdn Bhd, BDB Synergy Sdn Bhd, BDB Infra Sdn Bhd, BDB Leisure Sdn Bhd dan BDB Energy Sdn Bhd.

BDB merancang mengembangkan perniagaannya dengan penerokaan terhadap perniagaan baharu untuk menjadi sebuah kumpulan yang dinamik.

Untuk maklumat lanjut, hubungi:

Fadzli Ramlan

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: +6017 2088609

Emel: fadzli.ramlan@bdb.com.my